

21/08/2003

Usahawan tempatan sedia teroka pasaran negara Islam

USAHAWAN tempatan kini sudah bersedia merebut peluang meneroka pasaran negara Islam terutama di Asia Barat bagi mengembangkan pasaran produk keluaran negara ini.

Beberapa dewan perniagaan yang dihubungi semalam berkata, usaha itu akan dilakukan dengan pelbagai cara termasuk menerusi pakatan strategik, sementara rancangan ke arah kerjasama lebih rapat akan dikukuhkan dengan beberapa misi perdagangan yang sudah dirangka.

Presiden Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Datuk Mustafa Mansur, berkata persatuan itu akan memanfaatkan sepenuhnya potensi perdagangan di rantau itu, termasuk dengan mengadakan usaha sama strategik.

Beliau berkata, ketika ini sudah ada ahli FMM yang meninjau peluang memperluaskan pasaran produk mereka ke negara Islam termasuk Syria.

"Usaha memasuki pasaran seberang laut termasuk ke negara Islam perlu dibuat dengan teliti dengan mengadakan pelbagai penyelidikan serta mengambil kira faktor politik dan peraturan di negara itu.

"Bagaimanapun, saya akui kegiatan perdagangan syarikat tempatan di negara Islam masih berkurangan," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau mengulas saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan usahawan tempatan merebut peluang meneroka perdagangan di negara Islam yang kini bersikap terbuka terutama kepada Malaysia.

Perdana Menteri yang baru pulang dari lawatan kerja ke beberapa negara Afrika termasuk Syria, kecewa kerana usahawan tempatan tidak agresif meneroka peluang pasaran yang terbuka luas di negara Islam.

Pengerusi Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Moehamad Izzat Emir, usahawan tempatan seharusnya memanfaatkan peluang perniagaan di negara Islam kerana mereka menghormati dan berkeyakinan dengan keupayaan syarikat Malaysia.

Ahli perniagaan dari negara Islam, menurut Izzat, lebih selesa menjalankan urusan niaga dengan usahawan Malaysia yang mereka anggap sebagai golongan yang lebih mudah berurusan, dipercayai dan mampu menyediakan produk berkualiti.

Selain itu, ahli perniagaan dari negara berkenaan juga kini mengalihkan perhatian mereka daripada berurusan dengan rakan kongsi dari negara Barat kepada rakan kongsi dari Asia, terutama di kalangan usahawan Malaysia.

Beliau berkata, sejak peristiwa serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 September 2001, pedagang dari negara Islam, terutama di Asia Barat sudah mengurangkan urusan niaga dengan rakan niaga dari negara Barat, sebaliknya mencari rakan niaga baru terutama dari Asia.

Moehamad Izzat berkata, penerokaan pasaran ke negara Islam tidak sepatutnya hanya tertumpu ke Asia Barat, malah boleh dikembangkan ke rantau lain yang berpotensi termasuk Russia.

Katanya, kajian pasaran di Russia mendapati ada empat wilayah berpenduduk Islam dan berpotensi untuk pasaran produk Malaysia iaitu Tatarstan, Bashr-stan, Djastan dan Agygea.

Sehubungan itu, katanya, Perdasama akan menganjurkan misi perdagangan ke empat lokasi berkenaan menjelang Oktober ini.